

# Harga air: Singapura sambut baik kenyataan Dr. Mahathir

UM - 8 SEP 2002

KUALA LUMPUR 7 Sept. — Singapura menyambut baik kenyataan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad bahawa beliau tidak mempunyai sebarang halangan jika semakan harga air dibuat bersama secara berpakej.

Kementerian Luar Singapura dalam satu kenyataan yang dihantar kepada semua media tempatan di sini hari ini berkata, kenyataan Dr. Mahathir semalam itu jelas membayangkan beliau tidak membantah isu itu dikaitkan dalam pakej atau pun tidak.

“Pendirian Singapura ialah kami memang bersedia membincangkan semakan harga air bersama sekali dalam pakej yang sama,” kata kementerian itu yang memetik semula kenyataan Dr. Mahathir seperti disiarkan oleh sebuah akhbar tempatan hari ini.

Dr. Mahathir semalam dilaporkan berkata, Malaysia dan Singapura harus menetapkan isu semakan harga air mentah yang tertangguh sejak tahun 1986 kerana situasi sekarang jelas tidak dapat diterima dan ternyata boleh merugikan negara ini.

Beliau mengulas hasil rundingan kedua antara kedua-dua Menteri Luar di republik itu yang juga tidak mencapai sebarang kemajuan apabila Singapura berkeras memasukkan isu air itu ke dalam satu pakej bersama dengan isu-isu tertangguh lain.

Mengulas lanjut, Kerajaan Singapura jelas kenyataan kementerian itu turut berkongsi kebimbangan serupa dengan Dr. Mahathir yang mahukan rundingan antara kedua-ke dua negara berhubung isu berkenaan tidak berlarutan begitu lama.